

## Perkembangan dan Proses Sintesis Tamadun Menurut Malek Bennabi

*Development and Process of Synthesis of Civilization According to Malek Bennabi*

Abdul Qayuum Abdul Razak<sup>a,b</sup>, Adlina Ab. Halim,<sup>b\*</sup> Zaid Ahmad<sup>b</sup>, Normala Othman<sup>b</sup>

<sup>a</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah,  
KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia

<sup>b</sup>Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400  
Serdang, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: adlina@upm.edu.my

---

### Article history

Received: 2022-07-19

Received in revised form: 2022-01-05

Accepted: 2023-08-14

Published online: 2023-10-31

### Abstract

Malek Bennabi is known as the successor to the ideas and theories of civilization in the 20th century AD after Ibn Khaldun six centuries ago. In the current context, his contribution is seen as significant in the political settings and development, economics, and social development of Muslim communities around the world. In this regard, Bennabi has succeeded in synthesizing important elements in the reconstruction of Islamic civilization. Therefore, this article aims to articulate the development and synthesis process of civilization according to Malek Bennabi. In addition, this article also discusses the idea of his civilizational thought. The methodology used is document analysis as well as historical analysis of documents which related to the scope of Bennabi civilizational thoughts. The process of synthesis of civilization can be understood through three sources namely man, land, and time. These three sources need to be well synthesized through the personal element of man that is triggered through the spirit of religion or ideology and the element of ideas that are embedded in mankind himself. In addition, this process needs to be applied by the Muslim community today because it is relevant to the situation and the development of civilization today.

Keywords: Malek Bennabi, civilization cycle theory, civilization development.

### Abstrak

Malek Bennabi dikenali sebagai penerus kepada idea dan teori tamadun pada abad ke-20 Masihi selepas Ibn Khaldun pada enam abad lalu. Dalam konteks semasa, sumbangannya dilihat signifikan dengan situasi dan perkembangan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Islam di seluruh dunia. Dalam hal ini, Bennabi telah berjaya mengintegrasikan unsur-unsur penting dalam pembentukan semula tamadun Islam. Oleh itu, artikel ini ingin membincangkan perkembangan dan proses sintesis tamadun menurut Malek Bennabi. Selain itu, artikel ini juga membincangkan karya-karya tamadunnya. Metodologi yang digunakan ialah analisis dokumen melalui serta analisis sejarah terhadap dokumen-dokumen berkaitan skop perbincangan tamadun menurut pemikiran Bennabi. Proses sintesis tamadun boleh difahami melalui tiga sumber iaitu manusia, tanah dan waktu dan ketiga-tiga sumber ini perlu disintesis secara optimum melalui unsur peribadi manusia yang dicetus melalui semangat agama atau ideologi dan unsur idea yang ada di dalam diri manusia itu sendiri. Selain itu, proses ini juga perlu diaplikasi oleh masyarakat Muslim hari ini kerana ia relevan dengan situasi dan perkembangan tamadun hari ini.

Kata kunci: Malek Bennabi, teori kitaran tamadun, perkembangan tamadun.

## 1.0 PENDAHULUAN

Malek Bennabi dikenali di dunia intelektual Islam sebagai tokoh pemikir tamadun melalui teori kitaran tiga fasanya. Dalam hal ini, Malek Bennabi (Bennabi) mengemukakan teorinya dengan menjelaskan bagaimana manusia boleh mencipta sejarah melalui sintesis antara sumber pembinaan tamadun yang boleh diaplikasi dalam semua tamadun dunia. Artikel ini akan dimulakan dengan penerangan secara ringkas biografi Bennabi dan idea tamadunnya secara umum. Seterusnya artikel ini akan membincangkan bagaimana perkembangan dan proses sintesis manusia, tanah dan waktu berjalan.

Dari sudut metodologi kajian, penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Oleh itu beberapa teknik kajian diaplikasi antaranya teknik analisis dokumen dan teknik analisis sejarah. Kedua-dua teknik akan saling melengkapi antara satu sama lain dalam penulisan ini. Ini bertujuan untuk menambah dan menguatkan analisis yang dibuat. Teknik pertama yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis kandungan (*content analysis*). Menurut Kamarul Azmi (2012, h. 10), analisis dokumen ialah pecahan dalam kaedah pengumpulan data kajian sebagai satu usaha yang menghuraikan bahan bercetak. Antara buku yang dikaji dari karya Bennabi ialah *Milad Mujtama'*, *Mushkilat al-Afkar* dan *Islam in history and Society*. Selain itu dokumen sekunder lain turut dianalisis mengikut kesesuaian data dan skop yang dikaji. Teknik kedua ialah analisis sejarah yang merujuk kepada kefahaman penulis untuk menilai aspek-aspek sejarah yang boleh dikaitkan dengan analisis kajian.

## 2.0 BIOGRAFI RINGKAS BENNABI

Malek Bennabi dilahirkan pada 1905 Masihi di Contantine, Algeria. Beliau mendapat pendidikan agama di *Kuttab*, sebuah sekolah agama dan sekolah rendah bawah kerajaan penajajah Perancis. Beliau membesar di bawah penjagaan neneknya dan Kembali semula ke jagaan ibu bapanya. Beliau hidup dalam keadaan yang sempurna dan sederhana seperti mana orang-orang kampungnya. Kehidupan yang susah menjadikan bennabi seorang yang tidak mengenal erti putus asa untuk membaiki kehidupannya. Pada tahun 1921, iaitu kira-kira umur 16 tahun beliau memasuki sekolah agama yang dikenali *Madrasah Constantine*. Di sini beliau mempelajari ilmu agama, sirah, bahasa Arab dan feqah (Sheriff, 2018). Beliau juga suka bersosial bersama rakan-rakannya membincangkan isu-isu dalam negara dan luar negara khasnya berkaitan dasar penjajahan Perancis.

Selain memperoleh pendidikan agama, beliau kemudian melanjutkan pelajaran hingga ke Perancis dan mendalami ilmu kejuruteraan elektrik di sana. Bennabi meminati bidang sains dan selalu menyebut mengenai kecanggihan dan pencapaian teknologi yang dimiliki Perancis dan Barat. Selain bidang intelektual, beliau juga aktif berpersatuan seperti *l'Association des Etudiants Musulmans Nord-Africains* (AEMNA), iaitu sebuah persatuan pelajar-pelajar Muslim Afrika di Perancis, *Association des Oulemas d'Algerie* iaitu Persatuan Ulama-ulama Algeria dan lain-lain (Britannica, 2022). Antara tokoh yang mempengaruhi minat beliau mendalami isu-isu semasa umat Islam ialah Syeikh Ben Badis (El-Mesawi, 2007). Pengaruh Syeikh melalui *Majallat al-Muntaqid* mempunyai mesej besar dalam diri beliau. Beliau juga mula mendalami karya *Muqaddimah* Ibn Khaldun khasnya mengenai teori dan isu tamadun kitaran.

Pada tahun 1956 Malik Bennabi berhijrah ke Mesir untuk mencari pengalaman hidup dan meneruskan aktiviti inteleknya bersama tokoh-tokoh ilmuan Islam di sana. Kemudian, Malik Bennabi pulang ke Algeria dan meneruskan aktiviti ceramah dan penulisan di akhbar-akhbar dan buku-buku. Beliau juga telah dilantik sebagai Pengarah Pengajian Tinggi di Kementerian

Pendidikan Nasional Algeria pada tahun 1973 dalam usia 68 tahun, beliau meninggal dunia di rumahnya dan pemergiannya dianggap suatu kehilangan besar bagi Dunia intelektual Islam.

### **3.0 BENNABI DAN IDEA TAMADUN**

Bennabi dikenali sebagai tokoh intelektual khususnya dalam ilmu ketamadunan. Kebanyakan buku-buku yang dihasilkan berada di bawah tema atau tajuk besar iaitu tamadun yang dikenali dengan *Mushkilat al-hadarah*. Kandungan buku di bawah tajuk ini seperti *al-Zahirat al-Qur'aniyyah* (fenomena al-Quran), *Shurut al-Nahdah* (syarat-syarat kebangkitan), *Islam in History and Society* (Islam dalam sejarah dan masyarakat), *Mushkilat al-Thaqafah* (Permasalahan budaya), *Milad al-Mujtama'* (Kehadiran masyarakat), *Mushkilat al-Afkar fi al-Alam al-Islami* (Permasalahan pemikiran Dunia Islam), *Ta'ammulat, Min Ajl al-Taghyir, Muslim fi 'Alam al-Iqtisad* dan termasuk penulisan memoir beliau iaitu *Muzakkirat Shahid lil Qarni* (Bariun, 1993).

Dalam hal ini, antara sebab utama isu tamadun menjadi isu terpenting bagi Bennabi ialah kerana berkaitan dengan konteks sejarah kehidupan dan pengalaman beliau yang menghadapi era penjajahan Barat ke atas negara-negara Islam khasnya Algeria. Pada akhir abad ke-19M dan awal abad ke-20M, kebanyakan dunia Islam ditindas dan dikuasai pihak kolonial Eropah. Antara buku yang membincangkan isu ketamadunan secara jelas ialah *Shurut al-Nahdah* dan *The Problems of Ideas in Muslim World*. Malik Bennabi mengemukakan beberapa isu masalah tamadun, iaitu tamadun Islam mengalami tempoh kebekuan (*stagnation*) yang begitu lama selepas kejatuhan al-Muwahhidun pada abad ke-15 Masihi. Dalam tempoh ini umat Islam tidak berupaya untuk bangkit dengan ‘idea’ baharu untuk mengukuh semula kedudukan tamadun Islam di peta dunia. Sedangkan dalam masa yang sama, di Barat aktiviti dan ideologi modernisme dan liberalisme hasil daripada *Enlightenment* mereka mula berkembang dengan pesat. Aktiviti ini menjadi kemuncak pada peristiwa *Renaissance* (14-17 Masihi), Revolusi Amerika dan Revolusi Perancis pada akhir abad ke 19 Masihi.

Keadaan kebekuan (*stagnation*) ini merebak ke dunia Islam melalui pemikiran sosial masyarakat Islam seperti salah tafsir kehidupan beragama. Sebagai contoh, ada tafsiran agamawan yang menyebut bahawa dunia ini seperti berada di hujung tanduk, umat Islam tidak harus mengejarkekayaan dunia kerana kemungkinan akan menjadi muflis di akhirat akibat salah guna kekayaan, gerakan tasawuf atau tariqat yang meninggalkan kehidupan dunia serta mengabaikan ilmu-ilmu seperti sains dan kejuruteraan. Masalah dalam dunia Islam ditambah dengan amalan masyarakatnya yang bersenang dan tidak berusaha untuk keluar dari ‘psiko-sosial’ mundur ini. Musuh berbentuk ‘dalaman’ ini mencengkam kebanyakan kehidupan masyarakat jauh lagi untuk mereka mengartikulasi sumber dan potensi kemanusiaan. Oleh sebab itu, musuh utama dunia Islam ketika itu ialah halangan psikologi mereka sendiri (Muhammad Kamil, 1995).

Malik Bennabi menambah, musuh kedua yang menambah parah ialah penjajahan Barat. Pada abad ke-19 dan 20 Masihi, Eropah memperluas imperialisme mereka hampir ke seluruh dunia. Negaranegara umat Islam tidak mampu melawan penjajah dan menerima kedatangan mereka dalam keadaan terpaksa. Situasi ini menjadi lebih buruk apabila penjajah menggunakan kekuatan ketenteraan mereka mengaut hasil bumi tempatan dan menggunakan apa sahaja kaedah yang boleh memberi keuntungan dan kelebihan pada mereka sekalipun terpaksa menekan penduduk tempatan.

## **4.0 PERKEMBANGAN DAN PROSES SINTESIS PEMBINAAN TAMADUN**

### **4.1 Maksud Sintesis dan Sumber Pembinaan Tamadun**

Sintesis menurut kamus *Cambridge* (2022) dan kamus *Merriam-Webster* (2022) ialah merujuk kepada erti penggabungan, penyatuan, percampuran dan kombinasi beberapa unsur untuk membentuk sesuatu. Dalam artikel ini, penulis menggunakan perkataan sintesis untuk merujuk kepada proses penggabungan atau penyatuan antara tiga sumber tamadun (manusia, alam dan waktu), peranan agama serta fungsi jaringan sosial kepada pembinaan tamadun menurut Bennabi. Sintesis antara tiga elemen ini penting dalam pembinaan tamadun di mana Malek Bennabi menekankan manusia sebagai unsur utama yang menjadi tulang belakang sesebuah tamadun. Bennabi (2006) menyebut bahawa sesebuah tamadun itu akan bergerak dan berkembang melalui kombinasi antara tiga sumber iaitu manusia, tanah dan masa. Menurut Badrane (2013), contohnya dalam penciptaan kereta, televisyen, radio dan lain-lain, tiga elemen ini terlibat secara langsung. Bennabi menyatakan bahawa produk atau hasil tamadun dilihat ialah apabila manusia terlibat, tanah (benda) diurus dan diproses serta menggunakan masa dengan berkesan. Oleh itu, sekiranya sesebuah tamadun tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh ketiga-tiga elemen ini, maka sebenarnya tidak dapat membina tamadunnya. Menurut Bennabi lagi, elemen-elemen ini terpakai kepada semua tamadun di dunia. Oleh itu, kebanyakan tamadun telah pun menggerakkan tamadunnya walaupun tamadun tersebut belum lagi mempunyai banyak produk atau idea terhasil (Badrane, 2013). Perbincangan berikut menjelaskan lebih lanjut mengenai sumber tersebut.

#### **4.1.1 *Manusia***

Manusia merupakan agen pencetus kepada pergerakan tamadun. Tanpa manusia, tamadun tidak dapat dihasilkan kerana manusia merupakan pemain utama dalam dunia. Oleh sebab itu, menurut Bennabi (Bariun, 1993) bahawa manusia ialah alat masyarakat utama yang berperanan menggerak atau memberhentikan tamadunnya. Dalam aspek persamaan tamadun, tanah dan waktu tidak akan mampu membentuk tamadun tanpa adanya peranan manusia yang memberikan idea dan tindakan kepadanya. Menurut Bariun (1993), Bennabi menyatakan bahawa manusia mempunyai dua ciri unik yang melayakkannya untuk membina tamadun iaitu pertama manusia ialah makhluk yang bersifat tetap dan tidak terkesan dengan sejarahnya yang mana menjadikannya sebagai ciptaan yang diberi keistimewaan oleh Allah SWT. Bennabi merujuk ciri ini kepada karakteristik fizikal dan anatomi yang mebentuk luaran fizikal manusia. Kedua, manusia mempunyai identiti yang membolehkannya berubah dan dipengaruhi oleh sejarah dan kehendak sosial iaitu sebagai entiti sosial. Manusia menurutnya lagi, mempunyai ciri mental dan psikologi yang dibentuk oleh warisan sosial dan struktur sejarah manusia.

Selain itu, manusia juga makluk kompleks yang boleh mempengaruhi manusia yang lain melalui tiga bentuk iaitu ‘*aql* (intelek), kedua ‘*amal* (tenaga) dan *mal* (harta). Menurut Bariun (1993, h. 186) lagi, mana-mana bentuk di atas sekiranya tidak seimbang akan menyebabkan kekacauan dan membuang masa lalu mengakibatkan tamadun tidak dicipta. Manusia juga mampu untuk membentuk masa depan dengan merancang dan melakukan perubahan dalam aspek penting terutamanya budaya. Manusia ialah hasil dari tamadun dan budayanya sendiri, justeru manusia juga berupaya mengubah tamadun dan budayanya. Oleh sebab itu, Bennabi mencadangkan rekonstruksi budaya perlu dilakukan supaya budaya yang dicipta ialah budaya yang mampu memberi pengaruh terhadap tanah dan waktu mereka.

Manusia juga menurut Bennabi ialah penentu kepada masa depan tamadunnya, Bennabi banyak membawa contoh-contoh ayat al-Quran dan hadis *takdir generasi hari ini bergantung kepada tindakan*

generasi sebelumnya. Masyarakat yang berjaya ialah masyarakat yang datang dari tindakan dan kekuatan masyarakat sebelumnya yang telah bersusah payah membina masyarakatnya. Oleh itu, faktor masa ialah suatu unsur yang penting dalam persamaan tamadun menurut Bennabi (2006).

Bennabi menambah bahawa manusia ialah makhluk peradaban seperti katanya dalam buku *Milad al-Mujtama'* “the ‘person’ as such is not simply an individual who makes up the species, but he is rather a complex being that produces civilization. This being is ‘itself’ a product of civilization because it is indebted to it for the ideas and objects at its disposal” (Bennabi, 1998). Kenyataan ini dapat difahami bahawa unsur manusia itu bukan hanya sekadar makhluk, tetapi ia adalah makhluk yang bersifat kompleks yang mana boleh melahirkan sebuah peradaban. Makhluk ini ‘sendirinya’ ialah produk peradabannya kerana ia mengikut unsur idea dan objek yang ada padanya”. Sesuai dengan kenyataan ini bahawa manusia ialah makhluk sosial dan makhluk politik seperti mana kata Ibn Khaldun “*Insan madani bi al-tab'i*” (Ibn Khaldun, t.th.; el-Mesawi, 2007). Dengan erti kata lain, manusia ialah makhluk peradaban, ia memerlukan kerjasama antara satu sama lain untuk membentuk kehidupan masyarakatnya. Ia tidak boleh bergerak sendiri untuk menyediakan segala keperluan dan kehendak kehidupannya tanpa bantuan individu lain.

#### **4.1.2 Tanah (*Turab*)**


Tanah ialah sumber untuk membina tamadun, tanpanya pembinaan tamadun tidak dapat didirikan. Menurut Bariun (1993) Bennabi menyebut tanah sebagai unsur penting di mana tanpanya produk dan teknologi tidak dapat dihasilkan. Tanah menurutnya lagi mewakili lain-lain unsur kebendaan seperti bahan-bahan yang terdapat dalam bumi. Penggunaan unsur ini secara optimum dalam kesedaran alam benda dan penciptanya iaitu manusia mampu menghasilkan sesuatu yang memberi manfaat kepada manusia. Tanah atau unsur kebendaan perlu diharmoni secara bersama dengan unsur peribadi manusia dan unsur idea. Bennabi mendatangkan contoh bagaimana setelah Perang Dunia Kedua, Jerman bangkit membina tamadun walaupun mereka kalah dalam perang tersebut. Bennabi menekankan bahawa unsur tanah atau benda yang ada di negara Jerman mampu dimanfaat dengan baik oleh masyarakatnya (Bennabi, 1998). Oleh itu, kita boleh lihat bahawa Jerman pasca perang mampu menghasilkan banyak teknologi canggih dan berada terhadap berbanding negara lain. Begitu juga hal yang sama berlaku dalam peradaban Jepun, masyarakatnya boleh menggunakan unsur tanah mereka untuk bangkit menghadapi dunia dengan kekuatan unsur peribadi manusia yang mereka ada.

#### **4.1.3 Masa (*Zaman*)**

Masa menurut Bennabi ialah anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia di dunia. Setiap individu dan masyarakat tidak terlepas dari peralihan masa bermula daripada bayi, kanak-kanak, dewasa dan kemudian mati. Bennabi mengemukakan idea tiga alam dalam individu dan masyarakat, iaitu bermula alam benda, alam peribadi dan alam idea. Seperti organisma lain, masyarakat akan mengalami fasa-fasa ini menurut perubahan masa. Waktu atau masa sekiranya tidak dimanfaat secara berkesan, ia akan mengakibatkan kerugian bagi sesebuah masyarakat. Dalam konteks kitaran tamadun, Bennabi menerangkan bahawa setiap fasa dalam tamadun mempunyai masa tertentu, ia berjalan seperti mana jangka hayat organisma hidup. Ia menjalani proses *metamorphosis* iaitu suatu permulaan dan menjalani proses hidup, matang dan menuju kematian (Bennabi, 1998). Seperti manusia, tamadun perlu melihat masa sebagai indikator kejayaannya. Masa yang terbuang dan sia-sia akan menghasilkan produk peradaban yang tidak berkualiti dan berkesan kepada masyarakat dan tamadunnya.

## 4.2 Perkembangan dan Proses Sintesis dalam Pembinaan Tamadun

Malek Bennabi menjelaskan perkembangan tamadun secara umum akan melalui tiga fasa yang mana beliau membahagikan jatuh bangun tamadun iaitu bermula dari permulaan mewakili 0 (Rajah 1) yang mana menurut Bennabi (2007), unsur-unsur dalam tamadun ketika ini belum lagi wujud, dan A menunjukkan masyarakat telah mendapat idea keagamaan dan membentuk nilai moral manusia. Perkembangan di peringkat awal ini akan menggerakkan diri individu supaya berperanan untuk menjalin hubungan sosial sesama masyarakat. Fasa A hingga B ialah periode kedua dalam perkembangan tamadun yang mana menyaksikan masyarakat meneruskan pergerakan tamadun hasil dari cetusan nilai moral yang dibentuk pada A. C pula merujuk kepada fasa terakhir dalam perkembangan tamadun, yang menunjukkan tamadun telah menyempurnakan perjalanannya. Periode ini menunjukkan masyarakat telah hilang fungsi moral atau agama yang dibentuk pada awal fasa tamadun. Berghout & Berghout (2015) menjelaskan lagi bahawa nilai ini kemudian akan diteruskan oleh tamadun lain untuk memulakan fasa awal dalam tamadun mereka.



Rajah 1: Perkembangan penuh peradaban menurut Malek Bennabi

Sumber: Malek Bennabi (2007)

Daripada rajah 1 di atas, kita boleh mengaitkannya dengan perkembangan fasa-fasa dalam tamadun Islam iaitu fasa pertama dikenali sebagai fasa ruh (*spiritual phase*), fasa akal (*rational phase*) dan fasa naluri (*instinctive phase*) (Bennabi, 2006; Bariun, 1993). Menurut Bennabi (2007) peringkat pertama ialah fasa ruh di mana agama menjadi katalis kepada pembentukan tamadun dan ianya berlegar dalam kalangan masyarakat. Peringkat kedua ialah fasa rasional, di mana segala aktiviti masyarakat bergerak dan berada di bawah kawalan rasional dan logik. Peringkat ketiga ialah fasa naluri di mana tindak tanduk masyarakat ketika ini dikawal sepenuhnya oleh ‘naluri’ tanpa kawalan ‘roh’ dan ‘rasional’. Fasa ini dianggap oleh Malek Bennabi sebagai fasa kejatuhan bagi sesebuah tamadun (Usman, 2009).

Pada fasa pertama, masyarakat mula menerima agama dan menterjemahkannya dalam kehidupan harian. Kehidupan masyarakat dipengaruhi oleh agama dalam segenap kehidupan mereka. Mereka mula belajar bagaimana cara berorganisasi sosial sesama mereka, bekerjasama dalam kegiatan politik dan ekonomi. Malek Bennabi mendatangkan contoh bagaimana Rasulullah SAW menanam rasa beragama dalam segenap aspek hidup masyarakat jahiliyyah, dengan mengajar tujuan hidup dan menjaga hubungan dengan pencipta, manusia dan alam. Pandangan hidup (*worldview*) ini mengubah masyarakat ketika itu untuk mentransformasikan budaya mereka. Malek Bennabi menegaskan perkara ini dalam perbahasan mengenai kebangkitan tamadun. Beliau menjelaskan, gagasan agama tiba membentuk spiritual hingga agama ketika itu berjaya mendominasi keseluruhan

jiwa sesebuah masyarakat (Ajat Sudrajat, 2010). Bagi Malek Bennabi lagi, hanya dengan apabila jiwa manusia itu dikuasai ruh agama sahaja, sesebuah masyarakat akan bergerak dan membina tamadun yang maju dan kuat (Bennabi, M., & Rashid, A., 1979, h. 39). Kondisi masyarakat Islam ketika ini disebut Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud “Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh” (Al-Quran, al-Saf 61: 4; Bennabi, 2006).

Fasa kedua ialah fasa ‘*aql* (rasional) di mana fasa ini menunjukkan bahawa masyarakat mula dikuasai oleh akal mereka. Agama atau ruh dalam jiwa masyarakat ketika ini banyak berhubung dengan kekuatan akal. Akal kadang kala berupaya mendominasi agama dalam masyarakatnya. Setelah beberapa tahun sesebuah tamadun berkembang, wilayah berkembang, isu dan masalah pelbagai hingga yang merumitkan menjadikan manusia mula menggunakan ‘akal’nya bagi mendepani isu dan permasalahan yang ada. Ketika ini, akal cuba menjustifikasi tindakannya dalam hal-hal tertentu. Akhirnya, sedikit demi sedikit agama atau ‘ruh’ yang menguasai jiwanya dulu mula diketepikan. Malik Bennabi mengemukakan contoh tamadun Islam ketika berada di kemuncaknya iaitu pada zaman Umayyah di Damsyik. Ketika berada di puncak kekuasaannya, para pemimpin Umayyah sudah mula menunjukkan tanda-tanda dominasi ‘akal’ dalam tindakan mereka (Bennabi, M., & Rashid, A., 1979). Penguasaan akal pada fasa ini tidak bermakna bahawa ia suatu yang tidak baik kepada masyarakatnya, namun penguasaan akal ke atas *ruh* boleh menjerumuskan mereka ke faktor-faktor keruntuhan tamadun jika tidak dijaga sebaiknya. Lebih-lebih lagi apabila masyarakat majoritinya tidak lagi mementingkan aspek *ruh* dalam kehidupan.

Fasa terakhir ialah fasa naluri (*instinct*), fasa ini ialah fasa kekacauan dan kelemahan. Menurut Malik Bennabi, akal telah menunjukkan tanda kehilangan fungsinya dan manusia mula memasuki ruang gelap dalam lipatan sejarah mereka. Naluri telah menguasai agama dan akal seperti yang pernah dilalui oleh fasa pertama dan kedua. Contoh ini berlaku dalam proses kejatuhan tamadun iaitu pada akhir zaman kerajaan ‘Abbasiyah. Kekacauan yang dimaksudkan ialah keruntuhan sosial masyarakat seperti rasuah, pecah amanah, tiada pegangan agama dan sebagainya. Malik Bennabi menyebut mereka sebagai *kharj al-hadharah* (luar tamadun). Malik Bennabi menamakan keadaan ini sebagai situasi *pasca al-Muwabbidun* iaitu dikaitkan dengan tipologi manusia pasca peradaban tidak lagi efektif menggerak atau memajukan tamadunnya (Bennabi, 2006).

Dalam proses sintesis pembinaan tamadun, masyarakat perlu melalui proses sintesis unsur-unsur tamadunnya untuk membolehkan mereka memasuki sejarah. Oleh itu, menurut Bennabi (2006, h. 27), kegiatan manusia yang berhasil secara bersama penting untuk membentuk tamadun mereka. Unsur-unsur seperti peribadi manusia, idea dan objek kebendaan perlu disintesis dengan harmoni supaya manusia boleh memasuki sejarah mereka. Ketiga-tiga unsur ini tidak boleh bergerak secara berasingan dan bergabung dari unsur idea yang diterapkan di dalam unsur objek kebendaan bagi mencapai tujuan dalam unsur peribadi manusia. sekiranya unsur ini tidak berfungsi secara serentak, maka ia tidak dapat membina tamadun yang bersepada.


Bennabi menyebut bahawa walaupun manusia mampu membina kehidupannya berlandaskan unsur idea dan objek kebendaan yang ada, namun ia masih lagi tidak berupaya menyedia produk tamadun yang bertahan dan baik. Oleh itu, aspek yang lebih penting dalam sintesis ini ialah rangkaian hubungan sosial antara sesama manusia dalam masyarakat. Bennabi menyebut (2006) “rangkaian hubungan adalah fungsi pertama bagi sesebuah masyarakat selepas dilahirkan” seperti mana yang berlaku dalam peristiwa hijrah dan baiah pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Bennabi menekankan bahawa walaupun ketiga unsur-unsur manusia masih lagi belum dapat mencapai tahap untuk membina tamadun, namun faktor rangkaian atau jaringan kemasyarakatan telah berlaku untuk mencetus pergerakan pertama mereka dalam sejarah.

Tahir El-Mesawi (2007) memberi penjelasan dalam hal ini bahawa Bennabi menyebut kondisi masyarakat Islam *colonisabilite* (boleh dijajah) pada awal abad ke-20 Masihi sebagai suatu refleksi terhadapkekayaan masyarakat dalam aspek peribadi manusia, idea dan objek. Walaupun umat Islam mempunyai kekayaan yang banyak terutamanya minyak dan sumber asli lain, namun ia menjadi suatu kelompongan kepada masyarakatnya kerana ia tidak mampu memberi kekuatan kepada negaranya dari dijajah. Fungsi rangkaian hubungan sosial telah hilang dan menjadi beku.

Menurut Bennabi lagi (2006), hubungan sosial mempunyai peraturan atau tabiat yang boleh dibentuk secara bersama. Unsur peribadi manusia yang menjadi kekuatan dalam manusia mencetus semangat kerjasama sesama manusia yang juga disebut Bennabi sebagai himpunan sosial. Perkumpulan manusia dalam masyarakat dalam keadaan tertentu boleh menunjukkan idea kerjasama untuk bersama bergerak memproses unsur-unsurnya seperti perkumpulan umat Islam pada hari Jumaat. Bagi Bennabi, ia bukan sahaja suatu perkumpulan biasa, tetapi ia mempunyai nilai estetika (*dhawq al-jamali*) dan budaya yang baik. Budaya yang dianggap Bennabi sebagai “*iklim yang membentuk peribadi individu dan merupakan himpunan nilai-nilai dan norma-norma moral dan keindahan*”.

Bennabi (2006) menyatakan, bahawa bagi membentuk rangkaian hubungan sosial yang betul dan baik, suatu perkara yang lebih penting perlu diberi penekanan iaitu *semangat* atau ruh dalam masyarakat. Penekanan terhadap semangat dalam diri individu merupakan perkara asas yang menjadi masalah dalam keberkesanan dan kejayaan sesebuah tamadun dapat dibina. Bennabi mengemukakan contoh bagaimana perubahan biologi dalam makhluk hidup, untuk meneruskan kehidupan dan membekalkan kandungan organik tidak mengubah tabiat biologi mereka, hydrogen dan karbon tidak hilang hakikat bawaan dan ciri-cirinya ketika proses bahan makanan berlaku dalam badan mereka. Unsur-unsur ini tidak berubah tetapi yang berubah ialah hubungan antara unsur-unsur itu sahaja. Dalam konteks sosial Bennabi menambah bahawa suatu kesalahan sekiranya ada yang beranggapan bahawa perubahan berlaku pada bahan atau benda ekonomi tetapi yang penting ialah perubahan dalam rangkaian hubungan sosial antara sesama manusia.

Unsur idea tidak mampu bertahan dengan sendirian tanpa pergantungan terhadap kekuatan rangkaian hubungan sosial dalam masyarakat. Umat Islam pada era Nabi SAW mampu mencetus hubungan yang baik walaupun mereka berada di peringkat awal dalam konteks kitaran tamadun atau pembinaan tamadun. Bennabi menyebut “*the efficacy of ideas therefore depends upon the network of relations, i.e., we cannot think of a harmonious action incorporation the persons, ideas, and objects without these indispensable relations. Such an action is efficacious and effective inasmuch as the network of relations approaches firmness and compactness*” (Bennabi, 1998). Menurutnya, keberkesanan idea bergantung kepada rangkaian hubungan sosial, iaitu tidak adanya hubungan yang harmoni antara unsur peribadi manusia, unsur idea dan objek kebendaan tanpa adanya hubungan sosial. Ini bermaksud tamadun dapat dibina dengan baik selagi kekuatan dalam rangkaian hubungan sosial itu wujud. Dan begitulah sebaliknya sekiranya kekuatan ini menjadi lemah. Pembinaan tamadun oleh itu boleh disimpulkan dalam persamaan di bawah.



**Rajah 2.** Persamaan sintesis tamadun menurut Bennabi

Sumber: Adaptasi Malek Bennabi (1998 & 2006)

Dalam rajah 2 di atas, penulis membuat kesimpulan bahawa idea perkembangan dan proses sintesis tamadun Bennabi berjalan apabila manusia mencetus unsur peribadi terhadap unsur idea dan tanah (dalam unsur objek) yang mana berlaku dalam tempoh atau waktu tertentu. Unsur peribadi manusia dicetus oleh agama atau ideologi tertentu untuk memberi rangsangan kepada pergerakan dalam rangkaian hubungan sosial atau kerjasama antara masyarakat. Setiap unsur dan faktor di atas mestilah saling bergerak secara serentak dan bersama dan kekurangan salah satu dari unsur ini akan merencatkan pembinaan tamadun yang diinginkan oleh sesebuah masyarakat. Contohnya tamadun Barat bangkit dengan ideologi dan fahaman modenisme berpunca cetusan zaman pencerahan (*enlightenment*). Fahaman seperti Marxisme, Sainstisme, Individualisme dan lain-lain muncul sebagai pendorong kepada pergerakan unsur peribadi manusia dalam masyarakat Eropah.

## 5.0 KEPENTINGAN SINTESIS TAMADUN KEPADA POLITIK, EKONOMI DAN SOSIAL MASYARAKAT MASA KINI

### 5.1 Politik

Gabungan manusia, alam dan waktu yang baik mampu memberi natijah yang dapat memenuhi keperluan dan mencapai matlamat pembinaan tamadun Islam. Oleh itu, menurut Bennabi (2007) sintesis sumber tamadun ini perlu digabung jalin menurut agama dan budaya dalam sesebuah masyarakat. Agama dan budaya ialah perkara penting yang perlu diambil berat dalam pembinaan tamadun supaya identiti dan jati diri bangsa-tempatan dan agama dipelihara. Bennabi memberi contoh bagaimana penjajahan Eropah ke atas negara-negara umat Islam menjadikan umat Islam khususnya golongan ulama sering merendah diri dengan kelebihan yang mereka ada. Bennabi juga menjelaskan masyarakat yang dijajah memandang tinggi kepada pihak penjajah hingga menenggelamkan ilmu yang mereka ada (Bennabi, 2006). Agama dan identiti bangsa sepatutnya menjadi suatu kebanggaan bagi sesebuah masyarakat.

Dalam sejarah Islam, agama menjadi penekanan utama dalam kehidupan masyarakatnya. Perkara ini telah diaplifikasi dalam masyarakat zaman awal Islam, iaitu sewaktu seruan Nabi Muhammad SAW kepada kaum musyrikin Mekah. Kepercayaan kepada Allah SWT ialah kesedaran pertama diajar oleh baginda kepada kaumnya. Kesedaran tersebut menghasilkan semangat dalam kehidupan beragama lantas menjadikan para sahabat sebagai generasi pembangun tamadun awal Islam yang menakjubkan. Menurut Bennabi (2007), kisah-kisah generasi awal Islam ialah contoh bagaimana agama menjadi katalis kepada para sahabat RA bagi membangun tamadun Madinah yang berjaya. Keimanan yang jitu ditunjukkan dalam peristiwa hijrah ke Madinah dan bagaimana persaudaraan antara kaum Muhibbin dan Ansar ialah antara bukti iman yang kukuh. Manusia sebagai penggerak tamadun diberikan kuasa (*force*) ruh di mana menyedarkan peranan mereka dalam masyarakat. Kisah para sahabat RA seperti Bilal bin Rabah, Abu Bakar al-Siddiq dan lain-lain memainkan peranan dalam masyarakat Islam Madinah. Contohnya Saidina Abu Bakar al-Siddiq bertindak sebagai pembantu kepada Nabi Muhammad SAW mengurus tadbir negara, menjadi pengganti imam solat kepada baginda dan sebagainya.

Dalam hal ini juga, apabila agama mula meresap dalam sanubari mereka, arahan Allah SWT dan Nabi SAW menjadi keutamaan untuk mereka tunaikan. Ini dibuktikan dalam perjuangan mempertahankan wilayah Islam daripada ancaman musuh. Tentera yang sedikit mampu mengalahkan jumlah tentera musuh yang ramai dalam perang Badar. Dari segi politik, kekuatan tentera Islam Madinah bukan dilihat kepada jumlahnya, tetapi kualiti yang ada pada setiap tenteranya. Oleh sebab itu, di bawah pemerintahan khalifah ‘Umar al-Khattab RA, perluasan wilayah Islam berjaya dikembang hingga ke wilayah Dimashq yang ketika itu juga berada di bawah pemerintah Byzantine.

Dalam konteks hari ini, kekuatan politik umat Islam perlu dimulakan dengan kekuatan iman yang ada pada setiap masyarakatnya. Negara-negara Islam di Timur dan Barat sekiranya bergabung atas nama agama, sebenarnya boleh menjadi satu blok kuasa besar dalam dunia hari ini. Namun sebaliknya kekuatan politik negara umat Islam hari ini tidak mampu menandingi kuasa politik Barat seperti Amerika Syarikat, Britain, Israel dan lain-lain. Lihat sahaja kepada kekuatan Israel, walaupun dilihat kecil, namun negara-negara Arab sekeliling masih tidak mampu menandingi mereka. Israel mampu melakukan apa sahaja kejahatan kepada rakyat Palestin tanpa perlu takut kepada ancaman negara Arab yang lain.

Di Malaysia, Islam mempunyai tempat yang tinggi dalam pemerintahan kepimpinan negara kerana majoriti penduduknya berbangsa Melayu-Islam. Agama Islam harus diperkasa dengan strategi yang berkesan bagi menyediakan sistem pendidikan yang berasaskan Melayu-Islam sebagai teras dalam pentadbiran negara. Islam yang mengajar falsafah hidup bertuhan perlu ditekan dalam segenap kehidupan masyarakat Islam. Anjakan paradigma baharu dan nilai hidup *al-Din* juga perlu diketengahkan semula supaya ia disubur dan dihayati kembali. Kekuatan jati diri Melayu-Islam ini akan menjadikan tamadun Malaysia suatu kekuatan dan simbolisme kepada negara yang kuat dan bermaruah. Dengan melihat kembali kepada sejarah dulu, sewaktu zaman penjajahan British di Tanah Melayu, kita boleh mengambil intipati perjuangan Tok Janggut, Tok Kenali, Mat Kilau, Dr Burhanuddin Helmi, Pendeta Za’aba dan lain-lain. Perjuangan agama dan cintakan tanah air yang ditunjukkan oleh mereka perlu disubur kembali dan dihayati pada masa kini supaya sintesis baharu manusia, alam dan waktu dapat dimulakan.

## **5.2 Ekonomi**

Manusia perlu memanfaatkan sebaiknya sumber alam iaitu bahan yang boleh menghasilkan produk dalam tamadun. Bennabi menyatakan pada awal abad ke-20 Masihi, Perancis memasuki era baharu dalam teknologi elektrik. Penggunaan teknologi elektrik digunakan Perancis untuk menambah dalam pengeluaran produk untuk kegunaan dalam dan luar negara (import). Menurut Bennabi (2006), idea manusia perlu dikembang mengikut keperluan dan kehendak semasa. Dalam Perang Dunia pertama dan kedua contohnya, tenaga elektrik digunakan untuk menghasilkan senjata. Seterusnya dalam tahun 1930-an, barang dan peralatan dalam rumah berelektrik seperti peti ais, televisyen dan lain-lain mula digunakan secara meluas di Eropah dan seluruh dunia. Penggunaan dan permintaan dunia terhadap teknologi berasaskan elektrik mendapat perhatian dunia. Oleh itu, negara yang mula menggunakan elektrik akan menjadi negara pengimpor.

Dalam aspek gabungan manusia dan alam juga, Bennabi (2006) menyatakan bahawa masyarakat Islam perlu untuk membina pemikiran yang kreatif dan inovatif seperti yang dikuasai oleh negara Barat. Malaysia sebuah negara yang kaya dengan sumber asli seperti petroleum, arang batu, gas ali dan tanah yang luas boleh dimanfaatkan sebaiknya. Dengan penggunaan logik akal yang maksimum mampu menjadikan sesbuah negara bukan sahaja kaya dalam ekonominya tetapi memberi kestabilan dan kekuatan kepada negara menghadapi ancaman musuh.

### 5.3 Sosial

Dalam kitaran tamadun, Bennabi menyebut bahawa kekuatan masyarakat dilihat kepada kuatnya hubungan dalam jaringan sosial masyarakatnya. Tambahan lagi, jaringan sosial penting bagi melancarkan pengurusan dan pentadbiran sesebuah negara. Bennabi menunjukkan contoh iaitu bagaimana ketika pihak Perancis menjajah negaranya, banyak projek dan program rakyat tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan, ini kerana menurutnya ada dua kemungkinan, pertama umat Islam Algeria itu sendiri tidak berfikir bahawa kelancaran projek itu penting bagi masyarakat dan tidak sepatutnya diambil ringan. Contohnya pegawai yang sepatutnya hadir pada waktu dijanjikan tidak hadir hingga projek terpaksa ditunda ke masa lain. menurut Bennabi (2007), walaupun ia dianggap sesuatu yang biasa (boleh ditangguh pada masa lain), tetapi ia sebenarnya telah merencat perjalanan pembinaan tamadun. Kedua, bagi Bennabi bahawa ia adalah campur tangan pihak penjajah yang licik yang berhasrat untuk sengaja mengeneptikan hak rakyat tempatan berbanding kepentingan pihak penjajah. Apa yang penting di sini ialah sikap masyarakat Islam perlu berubah untuk komited dan serius dalam menjalankan sesuatu tugas.

Jika dilihat dalam tamadun Jepun, iaitu selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua, semangat kebangkitan tamadun dilihat muncul dengan kerjasama secara kolektif dalam kalangan masyarakatnya. Sikap dan budaya seperti *kaizen*, kebersihan, bekerja keras, menepati masa, disiplin dan lain-lain telah diterapkan dari kecil, dari keluarga hingga organisasi kerja. Budaya ini bersifat kolektif dan seragam dalam amalan dan kehidupan masyarakatnya. Hubungan kuat sesama masyarakat ini juga boleh dilihat pada generasi zaman awal Islam. Hubungan ini boleh dilihat pada sejarah Nabi SAW, di mana para sahabat RA saling bekerjasama atas nama agama hingga mampu membina negara yang utuh. Ayat ke-10 al-Quran, surah al-Hujurat bermaksud “Sesungguhnya orang mukmin itu bersaudara, sebab itu damaikanlah antara keduanya” seharusnya diimani oleh seluruh umat Islam masa kini. Persaudaraan ini boleh dilihat dalam konteks hubungan sosial yang kuat. Hubungan ini juga disebut oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimahnya* dengan istilah *ijtima'i al-insan* iaitu kerjasama dalam masyarakat dan ‘asabiyah iaitu semangat kekitaan (Ibn Khaldun, t.th.).

Pada pandangan penulis lagi, apa yang diingini dari sintesis ini ialah Bennabi menyarankan supaya masyarakat Islam sentiasa bersikap proaktif dengan peredaran semasa. Zaman globalisasi pada masa kini mengkehendaki masyarakat Islam untuk terus menghidupkan tamadun mereka dengan pelbagai strategi supaya cabaran dari pihak musuh Islam dapat ditangani dengan baik. Menurut Bennabi (2006) lagi umat Islam tidak boleh kembali menjadi masyarakat yang digambarkannya sebagai *manusia pasca al-Muwahhidun* iaitu masyarakat kehilangan idea dan tidak mampu mengerakkan alam (sumber) mereka (Abdul Razak et al., 2022).

## 6.0 KESIMPULAN

Perkembangan tamadun menurut Bennabi perlu melalui tiga fasa yang mana ia terpakai kepada juga kepada selain tamadun Islam. Perkembangan tersebut bermula dan menuju kemuncak, berkembang dan menuju fasa akhir iaitu fasa kejatuhan tamadun. perkembangan ini boleh dilihat dalam sejarah tamadun Islam yang bermula dari zaman Nabi SAW hingga kejatuhannya pada zaman kerajaan al-Muwahhidun. Dalam aspek proses, pembinaan tamadun memerlukan gabungan beberapa unsur iaitu unsur peribadi manusia (kesedaran), idea dan objek kebendaan (alam). Ianya perlu disintesis secara serentak dipandu dengan masa sebagai penentu kejayaan pembinaan tersebut. Selain itu, agama atau kepercayaan manusia sebagai faktor katalis diperlukan bagi mencetus unsur peribadi manusia supaya dapat menyumbang kepada kekuatan dalam rangkaian hubungan sosial masyarakat. Proses ini penting untuk direfleksi dalam wacana hari ini memandangkan pandangan Bennabi relevan dengan situasi hari ini. Contohnya dalam aspek

politik, sejarah Islam seperti mana disebut Bennabi dalam buku-bukunya bahawa unsur agama sebagai *force* (kuasa) yang membentuk kesedaran masyarakat Arab Jahiliyah untuk membentuk tamadun Islam mereka yang gemilang. Faktor agama ini menjadi teras kepada kekuatan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Islam sebelum mereka jatuh di tangan penjajah Eropah. Oleh itu, penulis melihat bahawa kesemua unsur ini perlu saling bergantung antara satu sama lain dan kekurangannya (semasa proses sintesis) boleh menyebabkan pembinaan tersebut akan gagal.

## **Penghargaan**

Penghargaan kepada Pusat Penyelidikan Universiti (RMC), Pejabat TNCPI, UPM atas pembiayaan Geran Putra-IPS bagi tahun 2022-2024, no kod projek GP-IPS/2022/9738900.

## **Senarai Rujukan**

*Al-Quran al-Karim.*

Abdul Razak, A. Q., Ab Halim , A. ., Ahmad, Z., & Othman, N. (2022). Iktibar umat Islam pasca al-Muwahhidun menurut Malik Bennabi: Lessons to the Muslim Post al-Muwahhidun According to Malik Bennabi. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(1), 55–66. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol17no1.5>.

Ayat, Sudrajat. (2010). Sejarah dan Peradaban: Sketsa Pemikiran Malik Bennabi. *Mozaiq (Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial dan Humaniora*, 5 (1), 1-16.

Bariun, Fawzia. (1993). *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).

Benlahcene, Badrane. (2013). *The Socio-Intellectual Foundations of Malek Bennabi's Approach to Civilization*. UK: International Institute of Islamic Thought.

Bennabi, Malik & Rashid, Asma. (1979). “Islam in History and Society,” *Islamic Studies*, 18(1), 33-47.

Bennabi, Malek. (1984). *Mushkilat al-Thaqafah (Permasalahan Budaya)*. Dimashq: Dar al-Fikr.

Bennabi, Malek. (1985). *Milad Mujtama': Shabakat al-Ilaqat al-Ijtima'iyyah*. Terj. Sabur Shahin. Dimashq: Dar al-Fikr.

Bennabi, Malek. (1998). *On the Origins of the Human Society*. Terjemahan. Mohamed Tahir El-Mesawi. Kuala Lumpur: The Open Press.

Bennabi, Malek. (2006). *Islam in History and Society*. Terjemahan. Asma Rashid. New Delhi: Kitab Bhavan.

Bennabi, Malek. (2007). *Asal Usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial*. Terjemahan. Muhammad Uthman El-Muhammady. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Berghout, Abdel Aziz & Zakia Berghout. (2015). The pattern of cycle civilization: resemblance between Ibn Khaldun and Malik Bennabi’s views, *Journal of Islam in Asia*, 12(1), 228-245.

Britannica. (2022). *Association of Algerian Muslim Ulama*, <https://www.britannica.com/topic/Association-of-Algerian-Muslim-Ulama> [Tarikh akses: 30 Disember].

*Dictionary Cambridge*, (2022), Synthesis,  
<https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/synthesis> [20 Disember 2022].

- El-Mesawi, M. T. (2007). Religion, Society, and Culture in Malik Bennabi's Thought In book: *The Blackwell Companion to Contemporary Islamic Thought*, 213 - 256, DOI:10.1002/9780470996188.ch13.
- Ibn Khaldun. (t.th.). *Tarikh Ibn Khaldun (al'Ibar wa al-Diwan al-Mubtada' wa l-Khabr fi Ayyam al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar wa man 'Asarabum min Dhaw al-Sultan al-Akbar*. 'Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Merriam-Webster, 2022, Synthesis, <https://www.merriam-webster.com/dictionary/synthesis> [20 Disember 2022].
- Muhammad Kamil Abd Majid. (1995). "Problem dunia Islam menurut Malik Bennabi," *Jurnal Usuluddin*, 1, 45-46.
- Sheriff, M.A. (2018). *Facets of Faith – Malek Bennabi and Abul A'la Maududi*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 41.
- Usman Syihab. (2009). Agama dan perubahan masyarakat menurut Malik Bennabi. *Afkar* – 10, 129-172.